

11/03/2001

Pertubuhan silat bantah demonstrasi jalanan

KUALA LUMPUR: Dua puluh satu pertubuhan persilatan dan seni mempertahankan diri bersepakat menyuarakan bantahan terhadap demonstrasi jalanan yang dipercayai dianjurkan parti politik tertentu.

Jurucakapnya Datuk Omardin Mauju berkata, semua pihak yang terbabit perlu menghentikan segera demonstrasi jalanan dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan politik mana-mana pihak.

Mahaguru dan guru kanan pertubuhan persilatan dan seni mempertahankan diri itu mengadakan perjumpaan khas yang julung kali diadakan di sini, semalam.

Omardin berkata mereka yang mengadakan perjumpaan itu berjanji dan berikrar untuk memberi sokongan bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara akan terus berkekalan.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan itu, Omardin yang juga mahaguru dan pengasas Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia, berkata mereka sebelum ini mengambil sikap berdiam diri berhubung demonstrasi jalanan kerana berpendapat ia urusan politik.

"Namun sejak akhir-akhir ini, kami melihat demonstrasi jalanan ini telah mencapai tahap yang boleh mengancam dan menggugat keselamatan dan ketenteraman negara... kami merasakan tahap itu melangkaui sempadan politik," katanya.

Ketika ditanya sama ada anggota persatuan yang berkumpul itu ada yang turut terbabit dalam demonstrasi jalanan, Omardin berkata pihaknya setakat ini belum menerima sebarang laporan atau aduan berhubung perkara itu.

"Kita sebenarnya turut memantau demonstrasi jalanan dan tangkapan yang dibuat (oleh polis), setakat ini tiada laporan atau aduan menunjukkan ada ahli persatuan silat atau seni mempertahankan diri terbabit," katanya.

Ekoran pertemuan itu, satu memorandum taat setia akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya sebagai tanda sokongan kepada kerajaan sedia ada yang dipilih rakyat dan juga menyatakan pendirian menentang demonstrasi jalanan.

(END)